

**TEKS UCAPAN ALUAN**

**YANG BERBAHAGIA**

**PROF. EMERITUS DATUK DR. RADUAN CHE ROSE**  
**PENGERUSI, LEMBAGA PENGARAH**  
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**SEMPENA**

**SEMINAR KESELAMATAN SEMPADAN NEGARA**  
***PENGUKUHAN KESELAMATAN SEMPADAN***  
***NEGARA: STRATEGI DAN TINDAKAN***  
**KERJASAMA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA DAN**  
**INSTITUT KESELAMATAN AWAM MALAYSIA**  
**(IPSOM), KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**26 SEPTEMBER 2023 (SELASA)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

- **YBhg. Datuk Haji Ruji Haji Ubi**  
Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri
- **YBhg. Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay**  
Timbalan Ketua Polis Negara
- **YBhg. Tan Sri Mohammad Ab Rahman**  
Panglima Angkatan Tentera
- **Yang Mulia Raja Dato' Nushirwan Zainal Abidin**  
Ketua Pengarah Keselamatan Negara
- **YBhg. Tuan Lokman Effendi Ramli**  
Ketua Eksekutif IPSOM, KDN
- **YBhg. Prof. Ts. Dr Norazah Abd Rahman,**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
UiTM
- **YBhg. Prof. Dr. Yarina Ahmad**  
Ketua Penyelidik bagi Kajian Indeks Keselamatan  
Sempadan Negara (IKSN) 2023
- Wakil-wakil kementerian, agensi dan jabatan,

- Para penyelidik Kajian IKSN 2023 yang berada di seluruh Malaysia
- Rakan-rakan media
- Para hadirin yang berada di dewan mahupun di dalam talian.

[Salutasi – kemas kini berdasarkan kehadiran]

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

1. Syukur *Alhamdulillah*, pada hari ini kita dapat bersama-sama di dalam **Seminar Keselamatan Sempadan Negara** peringkat kebangsaan. Seminar ini dilaksankan dengan kerjasama antara dua agensi iaitu Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSONM), Kementerian Dalam Negeri (KDN).

2. Seminar ini merupakan suatu wadah perbincangan berkenaan topik yang sangat penting kepada negara, iaitu **keselamatan sempadan negara** dengan perbincangan khusus kepada **Pengukuhan Keselamatan Sempadan Negara: Strategi dan Tindakan.**

**Para hadirin sekalian,**

3. Tajuk ini merupakan cetusan daripada hasil kajian Indeks Keselamatan Sempadan Negara (IKSN) 2023 yang sedang dijalankan oleh para penyelidik UiTM

seluruh Malaysia, serta kolaborasi bersama universiti lain seperti Universiti Malaysia Sabah, Universiti Utara Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, dan *International University of Malaya-Wales*.

4. Umum mengetahui, keselamatan sempadan negara merupakan suatu aspek utama yang diberi penekanan bukan sahaja oleh negara Malaysia, malahan seluruh negara lain di setiap pelosok dunia. Selain daripada menjalankan hubungan antarabangsa yang baik dengan negara luar, negara kita juga perlu bersedia dan bersiag siaga dengan segala bentuk risiko dan ancaman yang mungkin akan berlaku dalam negara.

5. Malaysia merupakan sebuah negara yang dikategorikan berada dalam keadaan aman dan tenteram. Keadaan ini dapat dilihat daripada Indeks Keamanan Dunia (*Global Peace Index [GPI]*) 2023 yang memperlihatkan Malaysia berada pada tangga ke-19 daripada 163 negara.

6. Begitu juga dengan Indeks Keganasan Dunia (*Global Terrorism Index [GTI]*) 2023, kedudukan Malaysia menunjukkan prestasi yang baik dalam menangani keganasan apabila melonjak kepada kedudukan ke-75 pada tahun 2022 berbanding tangga ke-68 pada tahun sebelumnya. Hal ini memberi gambaran bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang menekankan kepada keamanan dan kesejahteraan sejagat.

7. Justeru, wadah perbincangan mengenai keselamatan sempadan yang dijalankan ini merupakan suatu inisiatif membanggakan yang akan memberi manfaat secara langsung kepada agensi peneraju utama yang menjaga keselamatan sempadan negara seperti Majlis Keselamatan Negara, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Pasukan Khas Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia dan lain-lain agensi.

8. Malaysia telah menekankan kepada keselamatan sempadan negara sejak kemerdekaan lagi. Ini bertujuan memastikan kedaulatan negara sentiasa terpelihara, dapat mengurangkan jenayah rentas sempadan, dan seterusnya berupaya membentuk negara yang aman dan selamat. Dalam hal ini, aspek keselamatan sempadan negara tidak boleh dipandang mudah. Ia tidak hanya terletak pada bahu petugas barisan, malah seluruh rakyat Malaysia harus memainkan peranan bersama-sama berganding bahu dalam menjaga keselamatan dan ketenteraman awam.

9. Agenda memperkuatkan keselamatan sempadan negara ini seiring dengan hala tuju negara berteraskan Malaysia MADANI dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mampan, sejahtera, berdaya cipta, saling menghormati, yakin dengan keupayaan negara, serta mempunyai sikap ihsan dan ambil peduli demi mempertahankan kedaulatan negara.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,**

10. Agenda keselamatan negara sentiasa menjadi perhatian utama di institusi pengajian tinggi. Sebagai sebuah universiti terbesar di Malaysia, UiTM berperanan penting dalam menggerakkan agenda keselamatan negara melalui pelbagai inisiatif melibatkan semua peringkat termasuk ahli akademik, pentadbir dan para pelajar serta masyarakat setempat.
11. Sehubungan itu, saya sangat mengharapkan agar wadah perbincangan ini diteruskan agar percambahan ilmu dapat dihasilkan sebagai senjata strategi dan tindakan ke arah pengukuhan keselamatan sempadan negara.
12. Dengan itu, saya memberi jaminan bahawa UiTM akan sentiasa bersedia untuk menjalankan amanah dan tanggungjawab bukan sahaja sebagai sebuah gedung ilmu untuk menjalankan penyelidikan; malahan, seluruh warga UiTM akan sentiasa menyemarakkan kecintaan

kepada negara dengan memupuk semangat “keselamatan negara tanggungjawab bersama”.

13. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun.

*Sayang kumbang mencari makan,  
Terbang seiring di tepi kali,  
Selamat berseminar saya ucapkan,  
Moga diiring restu llahi.*

**Sekian.**

**Wabillahitaufik    Walhidayah    Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**